

Kemuka butiran transaksi

Terdapat transaksi wang berjumlah RM40 juta dalam akaun SRC pada Disember 2014

SITI AZIELAH WAHI

KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di sini semalam dimaklumkan tentang dengan beberapa transaksi perbankan membabitkan SRC International Sdn Bhd dan syarikat Gandingan Mentari Sdn Bhd melibatkan wang berjumlah lebih RM94.7 juta.

Peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Datuk Seri Najib Tun Razak me-

ngemukakan butiran transaksi itu melalui dokumen tambahan yang diserahkan Pengurus Ambank Cawangan Raja Chulan, R Uma Devi kepada Pengurus Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan Bank Negara Malaysia (BNM) Azizul Adzani Abdul Ghafar.

Menurut Harvinderjit, berdasarkan butiran transaksi dalam dokumen tambahan itu terdapat transaksi wang berjumlah RM40 juta pada 24 Disember 2014 daripada akaun SRC International Sdn Bhd.

Terdapat juga transaksi membabitkan wang berjumlah RM5 juta berkeungkinan daripada SRC International kepada Gandingan Mentari pada 5 Februari 2015.

Selain itu, Harvinderjit berkata, terdapat juga transaksi sebanyak RM39.7

KES SRC INTERNATIONAL



Najib ketika meninggalkan Kompleks Mahkamah Jalan Duta, semalam.

juta pada 9 Januari 2015 dan satu lagi transaksi sebanyak RM10 juta pada 13 Februari 2015, kedua-duanya juga mungkin daripada SRC International kepada Syarikat Gandingan Mentari Sdn Bhd.

Dokumen tambahan

itu diberikan Uma Devi kira-kira jam 9.15 malam pada 6 Julai 2015, selepas lapan dokumen dirampas pada sebelah pagi oleh pasukan siasatan dalam operasi yang dijalankan bersama beberapa pegawai dari BNM.

Saksi kedua yang ketika serbuan merupakan Pegawai Pengeledah bagaimana pun tidak dapat mengingati dokumen dan butiran-butiran yang dirujuk oleh peguam itu ketika disoal balas.

Menurut Azizul Adza-

ni, beliau telah mengisikan butiran dokumen yang dirampas dalam borang geledah BNM pada hari yang sama selepas serbuan.

Jelasnya, beliau telah diberikan dokumen tambahan tersebut oleh Uma Devi meskipun dokumen transaksi itu tidak diminta secara khusus.

"Saya hanya meminta fail dokumen yang disenaraikan oleh pegawai penyiasat, dan telah diberikan lapan fail dokumen manakala pada sebelah malam saya diberikan dokumen tambahan mengandungi butiran enam akaun secara terperinci," katanya.

Najib, berdepan tiga pertuduhan pecah amanah, satu pertuduhan salah guna kedudukan dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta.